

16/06/2001

Elak dengar khabar angin: Pak Lah

Sariha Mohd Ali

KUANTAN, Jumaat - Kerajaan sukar mentadbir negara ini jika khabar angin sering disebarkan pihak tertentu, kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Berikutan itu, beliau meminta rakyat tidak mendengar atau mempercayai khabar angin kerana berita yang disebarkan itu tidak benar.

Mengulas khabar angin berhubung peletakan jawatan Tan Sri Khalil Yaakob sebagai Menteri Penerangan, beliau berkata, tindakan mempercayai khabar angin itu boleh menimbulkan masalah.

"Tidak ada peletakan jawatan... Khalil tidak meletak jawatannya. Jangan dengar sangat khabar angin kerana kita akan susah jika dengar khabar angin ini.

"Kita juga sukar memerintah negara jika ikut apa yang dikatakan khabar angin," katanya selepas merasmikan Pesta Sukan Kementerian Dalam Negeri (KDN), di Stadium Darulmakmur di sini, petang ini.

Turut hadir Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob; Ketua Setiausaha KDN, Datuk Seri Aseh Che Mat; Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Mohd Jamal Kamdi; dan Timbalan Ketua Polis Negara, Tan Sri Jamil Johari.

Pesta sukan ke sembilan anjuran Jabatan Imigresen itu disertai tujuh agensi kerajaan iaitu KDN, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Penjara, Jabatan Pertahanan Awam, Jabatan Pendaftaran Negara, Jabatan Pendaftar Pertubuhan dan Jabatan Imigresen.

Mengikut khabar angin yang disebarkan, Khalil dikatakan sudah menghantar surat peletakan jawatannya sebagai Menteri Penerangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Sementara itu, ketika berucap merasmikan pesta sukan itu, beliau berkata, acara seperti itu dapat mengeratkan hubungan di kalangan anggota KDN.

Beliau berkata, pesta sukan itu juga dapat melahirkan semangat kerja yang lebih tinggi, selaras keperluan jabatan masing-masing.

"Saya berharap kakitangan KDN dapat terus menyumbang kepada pembangunan negara," katanya.

(END)